



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, April 15, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat rasmi pejabat baharu PAUPM



Oleh: **Noor Eszereen Juferi**

Foto: **Noorazreen Awang**

**SERDANG, 26 Mac** – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim merasmikan pejabat baharu Persatuan Alumni UPM (PAUPM) di Canselor Putra UPM bersempena Mesyuarat Agung PAUPM 2016.

Beliau yang merupakan alumni UPM tahun 1979 berharap dengan perasmian itu diharapkan dapat memperkenalkan PAUPM sebagai badan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi platform menggabungkan alumni untuk menyumbang kepada Alma Maternya.

"Penglibatan alumni adalah penting untuk membina jaringan erat serta untuk memperkayakan pengalaman bersama pelajar UPM yang bakal ke dunia kerja sebenar di masa akan datang dan menggunakan kepakaran masing-masing untuk membantu universiti," katanya.

Dato' Sri Rohani turut menyumbangkan RM100,000 kepada PAUPM untuk kegunaan program yang bersesuaian bagi membantu alumni dan pelajar UPM.

Selain itu, memorandum persefahaman (MoU) antara PAUPM, Explore Agenda Sdn. Bhd. dan Forita Training & Consultancy dimeterai bagi membantu aktiviti PAUPM turut disaksikan oleh Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Presiden PAUPM Sesi 2015-2017, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail berkata alumni digesa untuk kembali ke kampus alumni bagi membantu menyediakan platform latihan industri kepada pelajar UPM mempertingkatkan kemahiran untuk persediaan ke alam pekerjaan.

"Bakal graduan pada masa kini perlu bersaing serta 'The Spirit of Serdang' perlu diperkukuhkan. Saya percaya dengan jaringan erat antara alumni dan UPM akan merealisasikan hasrat universiti untuk mencapai sasaran 200 universiti terbaik di dunia," katanya. - UPM

